

Bahagian A

Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa

10

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Mereka berlagak \_\_\_\_\_ apabila disoal oleh guru disiplin tentang kes pergaduhan itu.  
 A kemalu-maluan  
 B kepura-puraan  
 C kebodoh-bodohan  
 D kemarah-marahan



Kakak menjerit apabila melihat seekor tikus sedang bersembunyi di dalam \_\_\_\_\_ permaidani di ruang tamu.

- |            |            |
|------------|------------|
| A ikatan   | C hamparan |
| B gulungan | D putaran  |

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

3. I Azmi segera menyandang begnya apabila terlihat sebuah teksi menghampirinya.  
 II Encik Mugilan menyandang jawatan sebagai guru kokurikulum di sekolah baharu itu.

- III Dia sedang menyandang di dinding itu sambil bercakap dengan kawannya.  
 IV Pemain itu berjaya menyandang bola masuk ke dalam gol.  
 A I dan II sahaja  
 B III dan IV sahaja  
 C I, II, dan III sahaja  
 D II, III, dan IV sahaja

4. I Saya mendapat berita tentang kemalangan ngeri itu melalui media sosial.  
 II Dia melalui usia remajanya dengan tinggal di pusat pemulihan penagihan narkotik akibat kesalahan menagih dadah.  
 III Kami melalui denai itu untuk pergi ke rumah datuk.  
 IV Abang tidak berani untuk melalui apa-apa larangan ayah kepadanya.  
 A I dan II sahaja  
 B III dan IV sahaja  
 C I, II, dan III sahaja  
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Antara faktor-faktor kempen anti dadah dilancarkan adalah untuk menyedarkan masyarakat tentang keburukan menagih dadah.



- A Antara faktor-faktor kempen antidadah
- B Antara faktor kempen anti-dadah
- C Antara faktor kempen antidadah
- D Antara faktor-faktor kempen anti dadah

6. "Jangan sekali meninggikan suara bila bercakap dengan orang yang lebih tua," nasihat Puan Wati kepada anak-anaknya.
- A Jangan sekali meninggikan suara apabila
  - B Jangan sekali-kali meninggikan suara apabila
  - C Jangan sekali-kali meninggikan suara bila
  - D Jangan sekali meninggikan suara bila

#### Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Penggunaan dadah dalam semua jenis sukan adalah tidak dibenarkan.  
 II Para guru akan membincangkan hal-hal lain berkaitan program peningkatan prestasi dalam mesyuarat itu.  
 III Oleh kerana lapar, bayi itu menangis dengan kuatnya.  
 IV Mak Joyah tidak dapat bekerja kerana perlu menemani suaminya yang terlantar pada hospital.
- A I dan II sahaja
  - B III dan IV sahaja
  - C I, II, dan III sahaja
  - D II, III, dan IV sahaja
8. I Saya menunggu abang selama satu suku jam di perhentian bas itu.  
 II Sultan Muzafar Shah menitahkan Laksamana Hang Tuah agar mengumpulkan para perajurit untuk mengawal sempadan negeri.  
 III Siew Mei langsung tidak berniat untuk menghebahkan kepayahan hidupnya kepada orang lain.  
 IV Hujan kuat selama dua hari berturut-turut telah menyebabkan kawasan kampung itu dinaiki air.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

#### Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. **Luqman berjaya untuk menyelesaikan tugas yang diberikan oleh Cikgu Haridz dalam masa setengah jam.**
- A Tugas Cikgu Haridz yang diberikan dalam masa setengah jam berjaya untuk diselesaikan oleh Luqman.
  - B Dalam masa setengah jam, tugas yang diberikan oleh Cikgu Haridz berjaya untuk diselesaikan oleh Luqman.
  - C Tugas yang diberikan oleh Luqman dan Cikgu Haridz telah berjaya untuk diselesaikan dalam masa setengah jam.
  - D Tugas dalam masa setengah jam itu berjaya untuk diselesaikan oleh Luqman setelah diberikan oleh Cikgu Haridz.

#### Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga

10. Peribahasa yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan peribahasa di atas ialah
- A lembu punya susu, sapi dapat nama.
  - B seekor lembu membawa lumpur, habis semuanya terpalit.
  - C nasi sudah menjadi bubur.
  - D pucuk dicita ulam mendatang.



## Pemahaman Petikan

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

### KUNCI BAHASA

Bahasa bermaruah  
tidak berbilur bahasa di lidah.

Bahasa berbuah  
tidak kering bahasa diperah.

Bahasa bersejarah  
tidak luput bahasa bertingkah.

Bahasa berwasilah  
tidak putus jambatan *ukhuwah*.

Bahasa berbudi sudah  
tidak lokek pada ummah.

Bahasa begitu indah  
tidak habis berbahasa bermadah.

**ABDUL HADI YUSOF**

Dipetik daripada Antologi  
*Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Berdasarkan petikan sajak, perkataan *ukhuwah* membawa maksud  
A persahabatan. C perpisahan.  
B persaudaraan. D perhubungan.
12. Rangkap keempat sajak menunjukkan bahawa  
A bahasa dapat memupuk semangat perpaduan.  
B bahasa menjadi medium penyebaran ilmu pengetahuan.  
C bahasa dapat meruntuhkan sesebuah jambatan.  
D bahasa dapat memelihara harga diri seseorang.
13. Yang berikut ialah ciri-ciri sajak di atas **kecuali**  
A terdiri daripada 2 baris dalam 1 rangkap.  
B terdiri daripada 6 hingga 11 suku kata dalam 1 baris.  
C terdiri daripada 5 rangkap.  
D terdiri daripada 2 hingga 5 patah kata dalam 1 baris.
14. Maksud "bahasa berwasilah" ialah  
A bahasa melambangkan bangsa.  
B bahasa melambangkan kedaulatan.  
C bahasa tidak akan terhapus.  
D bahasa sebagai alat perhubungan.
15. Yang berikut adalah benar tentang fungsi bahasa **kecuali**  
A bahasa mempunyai kesantunan dan nilai-nilai murni.  
B bahasa menyebarkan ilmu pengetahuan.  
C bahasa digunakan untuk perniagaan buah-buahan.  
D bahasa menyimpan rahsia pelbagai khazanah silam.